60

# Bentuk badan silat: Badan2 Melayu sambut baik

15 NOV 1974 (5) P81

RAMAI pemimpin pertubuhan Melayu dan guru-guru silat Melayu telah melahirkan persetujuan terhadap ura-ura membentuk sebuah badan pengawal semua jenis pencak silat untuk mengawal mutu kesenian itu di Repablik ini.

**Oleh: Salim Osman**

Badan tersebut diharapkan dapat memproses pendaftaran persatuan, guru dan pelatih seni silat, sebagaimana yang diperlukan oleh Undang-Undang Seni Mempertahankan Diri yang baru dikeluarkan September lepas.

"Langkah ini akan dapat menjamin lagi perkembangan yang meluas seni silat Melayu," kata mereka.

Seorang pegawai Perkumpulan Anak-Anak Sandiwara Angkatan Kesenian (PASAK), yang merupakan sebuah badan budaya yang terkemuka dalam seni silat berkata:

## *Selaraskan*

"Seni silat Melayu di Singapura masih belum mempunyai sebuah badan pengawal yang tersendiri yang dapat menurunkan satu rukun tatalaku dan taraf-taraf seni yang tinggi.

"Sebuah pertubuhan seperti ini, kalau dibentuk, tentu akan dapat menyelaraskan kegiatan silat antara badan-badan dan mengawal taraf kesenian itu."

Seorang lagi pemimpin sebuah pertubuhan berkata bahawa badan pengawal ini juga akan dapat mengekang penyalahgunaan seni itu oleh orang-orang yang cekap dalam silat.

Seorang guru silat yang enggan memberikan namanya menyatakan bahawa sejauh ini perterjejas kerana kita tidak mempunyai satu ujian yang 'standard' bagi semua pelatih silat."

Seorang lagi guru silat menyatakan bahawa hal ini berlaku juga dalam memilih pelatih-pelatih yang terbaik untuk menjadi guru silat.

Katanya, ada setengah-setengah orang yang belajar "separuh jalan" seni itu dari beberapa orang guru diketahui membuka klas sendiri dan mendakwa diri sebagai guru yang berkelayakan.

"Saya bukan hendak mengatakan bahawa guru-guru silat kita ini ramai yang tidak layak menjadi guru. Tetapi, apa yang saya maksudkan ialah kita perlu mempunyai taraf yang 'standard' samada dalam peringkat pelatih mahupun guru," dia menegaskan.

## *Tak tahu*

Guru itu menambah bahawa sudah ada orang yang mendakwa dirinya sebagai guru silat mengajarkan seni mempertahankan diri yang campor aduk dari silat Melayu, Karate dan Judo, dan Taekwon Do.

"Saya tidak tahu samada orang ini layak mengajar atau tidak. Tidak semestinya kita tahu serba sedikit tentang gerak sesuatu seni itu maka kita mesti mendakwa

# Belum ada badan silat yg hantar borang

(2) P88

15 NOV 1974

★ Dari Muka 1

hawa badan pengawal ini dipersetujui pada dasarnya oleh beberapa orang pemimpin badan Melayu dalam perbincangan dengan wakil-wakil Majlis Sukan Kebangsaan baru-baru ini.

Ia akan bergerak seperti Persekutuan Taekwon Do Singapura (STDF) dan Persekutuan Karate Singapura (SKF) yang menjadi badan-badan pengawal bagi seni mempertahankan diri masing-masing.

Pemangku Penolong Pengarah Sukan Majlis itu, Encik Tang Chee Yuen berkata: "Dalam rancangan ini, kami cuma membantu badan-badan Silat Melayu untuk membentuk sebuah badan pengawal tersendiri.

"Gunanya ialah untuk mengawal perkembangan seni ini dan menjaga taraf permainan semua jenis seni silat, agar tidak merosot."

Sebuah jawatankuasa penasihat akan dibentuk tidak lama lagi sebagai memberi jalan pembentukan badan itu, yang akan dianggotai oleh wakil-wakil semua badan silat.

Sementara itu, masih belum ada sebuah badan Melayu pun atau guru dan pelatih silat yang telah menghantarkan borang pendaftaran kepada pengawal Seni Mempertahankan Diri.

Undang-undang baru yang akan berjalan kuatkuasanya 2 Disember ini akan mewajibkan setiap persatuan Silat, guru dan

# Guru2 ... dimi...

16 NOV ...

GURU-GURU si...
bergabung ...
pondok-pondok Pe...
Bawean telah dig...
paya memberikan ...
ngan mengenai c...
seni silat Melayu ...
suburkan.

Gesaan itu dibuat ...
tiausaha PBS, En...
hamed Seain bin ...
yang berkata ...
pihaknya akan ...
mukakan bebera...
pada Majlis Suk...
bangsaan mengena...
buhan sebuah J...